

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: Monday, 12 June, 2017 4:22 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: TAK TERNILAI PENGETAHUAN & PENGALAMAN MAKTAB MAHMUD PADANG
TERAP KEDAH



12 JUN 2017 / 17 RAMADAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh : H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

**TAK TERNILAI PENGETAHUAN & PENGALAMAN MAKTAB MAHMUD PADANG
TERAP KEDAH**



ANJUNG TAMU ONLINE: Pada kebiasaannya ramai pelajar berminat untuk menyertai program lawatan sambil belajar yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Ekoran itu, seramai 40 pelajar dan 3 guru pengiring Maktab Mahmud Padang Terap, Kuala Nerang Kedah tidak mensia-siakan peluang lawatan ke UUM yang bertemakan “Selangkah ke Menara Gading”.

Perjalanan mereka bermula seawal jam 7.30 pagi dari Maktab Mahmud Padang Terap. Aktiviti ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar dengan pengalaman sebenar melalui pemerhatian serta memupuk semangat dan motivasi dalam diri pelajar.

Sebenarnya terdapat beberapa kebaikan membuat lawatan sambil belajar antaranya pelajar dapat menambahkan ilmu pengetahuan. Selain itu, lokasi yang menjadi tumpuan ialah tempat yang tidak pernah dikunjungi oleh pelajar termasuklah UUM Welcome Centre.

Kebiasaannya mereka mencatat dan digalakkan membuat pertanyaan semasa diberi penerangan tentang UUM. Pengetahuan yang diperolehi ini biasanya lebih kekal lama kerana pelajar menggunakan pelbagai deria untuk mendapatkan maklumat.

Menurut kaunselor yang turut serta, Nur Aimi Syatirah Amin,

"Penerangan dan perkhidmatan yang diberikan amat baik, penerangan sangat jelas dan banyak maklumat yang pelajari mengenai sejarah UUM."

Di samping itu, apa yang dipelajari dapat memberikan pengalaman kepada pelajar yang ternyata pembelajaran melalui pengalaman dapat memberi kesan yang mendalam kepada pelajar.

Seterusnya Perpustakaan Sultanah Bahiyah menjadi tumpuan serta beberapa lokasi semasa lawatan yang dapat memberi seribu kenangan untuk dibawa pulang ke Kuala Nerang.

Peribahasa ada mengatakan “alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan”, alang-alang melawat biar sampai selesai dan berjaya, justeru mereka langsung tidak melepaskan peluang untuk belajar di samping masing-masing seronok bergambar di sana sini.

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT


CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.